
PENDEKATAN KAUNSELING ISLAM UNTUK MENANGANI MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA SEKOLAH MENENGAH AGAMA

Mariani Omar &
Norhanizah Wati Nuroddin
Jabatan Usuluddin
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Sultan Azlan Shah
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak
E-mail: mariani@usas.edu.my
Email: norhanizahwati@yahoo.com

ABSTRAK: Kajian ini berkaitan dengan kaunseling Islam yang digunakan untuk mengendalikan masalah sosial remaja dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Idrisiah. Kajian ini memfokuskan 3 persoalan iaitu faktor yang mendorong remaja terlibat dalam isu sosial, langkah pendekatan yang sesuai digunakan kaunselor dalam membantu remaja menghadapi masalah sosial dan kesan yang dialami oleh pelajar dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku setelah selesai menjalani sesi kaunseling. Kajian kualitatif dijalankan kaedah temu bual dalam sesi kaunseling untuk mendapatkan data. Data juga di perolehi melalui pemerhatian, laporan sesi bertulis dan juga sesi kaunseling yang dirakam dalam empat ke lima sesi. Data dari temubual dan sesi kaunseling telah dianalisis dengan cara mendengar kembali, menulis semula dalam verbatim dan dikategorikan. Data sesi kaunseling ini telah dibandingkan dengan laporan bertulis kaunselor untuk melihat keselarasan maklumat yang di perolehi. Seramai dua puluh enam pelajar yang berumur dari 13 tahun sehingga 15 tahun terlibat dalam kajian ini. Pelajar ini menghadiri sesi yang dijalankan dalam tempoh dua bulan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sekolah ini tidak terlibat dalam masalah sosial yang membimbangkan. Walaupun pelajar ini juga telah diterapkan dengan nilai-nilai moral agama Islam sehingga mereka tahu untuk membawa diri dan membantu rakan sekeliling mereka sekiranya menghadapi masalah. Namun demikian, hasil analisis verbatim dan juga laporan bertulis kaunselor menunjukkan bahawa ada beberapa masalah sosial berlaku di sekolah ini, antaranya ialah vandalisme (menconteng meja sekolah), pergaduhan, buli, lesbian, acah-acah bunuh diri dan juga keluar kawasan sekolah tanpa kebenaran. Kesimpulannya, remaja yang mendapat didikan yang seimbang dari segi agama, moral dan akademik juga memiliki persekitaran yang teratur mampu berdepan dengan masalah sosial melalui cara lebih positif. Secara umum perkembangan remaja tetap berdepan dengan cabaran masalah sosial sama ada sedikit atau banyak, di akhirnya semua itu akan mematangkan remaja tersebut.

Kata Kunci: *Pendekatan kaunseling Islam, masalah sosial, pelajar sekolah*

Pengenalan

Remaja menurut Aviyah dan Farid (2014) peringkat remaja terdiri daripada 2 iaitu remaja awal dan remaja akhir. Remaja awal bagi perempuan bermula dari 12 tahun sehingga 17 tahun. Manakala bagi awal remaja lelaki bermula dari usia 13 tahun sehingga 18 tahun. Peringkat akhir remaja perempuan akan bermula 17 tahun hingga 21 tahun. Untuk akhir remaja lelaki pula bermula 18 tahun sehingga 22 tahun. Namun demikian, ada juga yang menyatakan bahawa tahap perkembangan remaja boleh menjadi kepada 3 tahap, iaitu awal remaja, pertengahan remaja dan akhir remaja. Pada tahap awal remaja bermula dari 10 tahun hingga 12 tahun dan akan melalui perkembangan dari bentuk fizikal dan hormon, khususnya remaja perempuan. Pada tahap ini juga, mereka akan mula tertarik kepada jantina yang berlainan.

Lazimnya tingkah laku yang dilakukan remaja ialah mula memberikan pendapat dalam keluarga hingga akhirnya membawa kepada proses memberontak sekiranya tidak di endahkan oleh keluarga sendiri. Mereka juga akan mula menunjukkan keinginan untuk bebas dalam melakukan sesuatu perkara. Selain dari itu, remaja ini akan mula terpengaruh dengan rakan sebaya kerana mereka merasakan rakan sebaya memahami keinginan dan juga memberikan keseronokan. Apabila mereka mula menunjukkan tingkah laku dipengaruhi oleh rakan sebaya, itu menunjukkan bahawa pengaruh keluarga dalam diri remaja tersebut telah berkurang. Perubahan dari segi perasaan juga mula akan di tunjukkan melalui tingkah laku dan emosi yang menakutkan dan juga membimbangkan. Keyakinan diri yang tinggi juga menyebabkan emosi mereka sukar untuk menerima nasihat dari orang dewasa. (Zainudin & Norazmah, 2011).

Seterusnya ibu bapa perlu memainkan peranan dengan baik serta menyediakan persekitaran yang kondusif untuk remaja membesar dan menerima perubahan dengan baik. Remaja dikategorikan kepada 3 peringkat, iaitu peringkat awal remaja yang berumur dari 12 tahun sehingga 15 tahun, peringkat pertengahan remaja bermula dari 15 tahun sehingga ke 18 tahun. Manakala peringkat akhir remaja bermula dari 18 tahun sehingga 25 tahun. Ketiga-tiga peringkat ini membawa kepada perkembangan fizikal, kognitif dan juga psikososial. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2001), baligh bagi seseorang remaja berlaku dalam perubahan fizikal dan fisiologikal. Ini bermaksud, proses baligh bagi seseorang remaja mempengaruhi kepada perkembangan dari aspek psikologikal diri sendiri.

Dari sudut perkembangan kognitif remaja pula, biasanya remaja akan mengalami satu perubahan yang amat ketara iaitu pemikiran yang dikenali sebagai egosentrisme (Elkind, 1967) (dalam jurnal Hay, 2000). Egosentrisme dikenali sebagai satu proses peningkatan tahap kesedaran diri remaja. Disebabkan perubahan terhadap perkembangan inilah yang akan membentuk keinginan untuk melakukan sesuatu yang unik dan rasa ingin tahu dalam diri seorang remaja. Beberapa teori berpendapat yang berbeza berkaitan remaja. Hay (2000) menyatakan bahawa remaja mengalami keadaan tidak tentuan, iaitu adakalanya remaja mempunyai keyakinan diri yang sangat tinggi dan juga sebaliknya. Manakala Erikson (1959), (dalam jurnal Amir Awang, 1987) pula berpendapat bahawa tugas utama seorang remaja ialah menyelesaikan konflik yang berlaku dalam dirinya dan kekeliruan identiti (Aviyah & Farid, 2014).

Perkembangan kaunseling di Malaysia telah mula berkembang sejak Khidmat kaunseling di sekolah-sekolah Malaysia bermula pada tahun 1968 melalui Surat Pekeliling KP 5209/30 (13) 1 September 1968 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/1976/1975 dan pada masa itu dikenali sebagai 'Khidmat Bimbingan'. Pada tahun 1975 satu lagi surat pekeling telah disiarkan iaitu Surat Pekeliling KP

5209, 34 (4) bagi menyelaras khidmat bimbingan di peringkat negeri dan sekolah-sekolah Malaysia. Khidmat Kaunseling disiarkan sekali lagi melalui Surat Pekeliling KP 5209/34(4) pada tahun 1984 yang berbunyi “kami mencadangkan bahawa semua sekolah rendah dan sekolah menengah supaya melantik seorang guru bimbingan” (Abdul Halim Othman, 2001). Pada tahun 2003 Kementerian Pelajaran Malaysia telah memulakan kursus kaunseling bagi Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) di beberapa buah maktab perguruan di samping menawarkan kursus 14 minggu bagi guru-guru terlatih bagi menampung keperluan khidmat bimbingan dan kaunseling yang mendesak di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Semenjak daripada itu senario pendidikan dan latihan kaunselor di Malaysia telah mendapat tempat di universiti-universiti tempatan, dan ramai graduan lulusan program kaunseling dan pendidikan ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

Ekoran daripada itu maka ruang lingkup tugas dan profesionalisme kaunselor sekolah agak mencabar menyaksikan mereka menerima pelajar dari pelbagai latar belakang demografi dan masalah (Amla, Zuria Mahmud dan Salleh Amat, 2003). Dalam situasi tertentu, terdapat dalam kalangan pelajar yang hadir berjumpa kaunselor telah mengalami konflik yang berlarutan dan membawa keputusan untuk pelbagai masalah mereka (Zainuddin Abu, Zuria Mahmud & Salleh Amat, 2008). Kebolehan kaunselor untuk membantu pelajar selepas melalui sesi kaunseling merupakan satu cabaran terbesar buat mereka (Corey, 2005). Justeru itu, untuk mengekalkan mutu perkhidmatan yang profesional kaunselor perlu berusaha dalam meningkatkan kompetensi kaunseling sebagai memenuhi tuntutan tanggungjawab profesional dan menjadi pilihan pelajar untuk datang berbincang di peringkat awal berkaitan dengan masalah sosial remaja sekolah. Cabaran utama bagi kaunselor adalah harus memahami dan ada penyesuaian sosial dan kemampuan menyelesaikan masalah dengan kecenderungan perilaku delinkuen pada remaja (Setjaningsih, Uyun, dan Yuwono, 2006). Ini bersesuaian dengan pandangan pakar-pakar terapi (Corey, 2005) yang berpendapat bahawa kompetensi kaunselor sangat penting dan merupakan faktor utama dalam pemilihan calon kaunselor (Setjaningsih, Uyun, Yuwono, 2006; Jeff Chang, 2010; Jennifer & Shruti, 2011; Joshua, 2010) dan faktor kenakalan remaja ditinjau dari kecerdasan emosi dan penyesuaian diri (Rini, Hardjajani, & Nugroho, 2012).

Permasalahan Kajian

Banyak kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas, menunjukkan bahawa isu sosial dalam kalangan remaja meningkat secara mendadak dan ianya menimbulkan kebimbangan. Hal ini juga dibuktikan dengan laporan-laporan dari pelbagai institusi yang terlibat sehingga akhirnya menjadi muka depan dalam akhbar mahu pun media massa. Remaja merupakan satu kelompok atau golongan yang dikenali sebagai pelapis negara masa depan. Berbagai isu berkaitan masalah sosial

sosial, walaupun sesetengah dari remaja dan kaunselor perlu adan kesedaran terhadap dual hubungan antara guru dan kaunselor di sekolah (Normazwin Yahya, 2007).

Masalah sosial yang lazimnya dilakukan oleh remaja sekolah ialah ponteng sekolah, buli, lepak dan juga percintaan yang akhirnya menjerat mereka ke kancah penzinaan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti faktor dan juga mendapatkan jawapan ke atas persoalan-persoalan yang di kemukakan oleh pengkaji. Secara umumnya, pendekatan kaunseling Islam untuk menangani masalah social dalam kalangan remaja sekolah amat mencabar pada masa kini (Daniel, 2006; Jonathan E. Mosko & Carole Pistole, 2010). Ini boleh dilihat berdasarkan kenyataan Treasury Board of Canada (2000) yang menjelaskan bahawa kecemerlangan individu itu amat bergantung kepada keupayaannya untuk meneroka tiga domain utama iaitu pengetahuan, kemahiran, serta kreativiti demi mengharungi era globalisasi. Kenyataan ini adalah bersesuaian dengan pandangan Neukrug (2007) yang berpendapat bahawa kaunselor yang cemerlang dan kompeten sentiasa menimba ilmu pengetahuan serta meneliti trend dan pendekatan-pendekatan kaunseling agar tidak ketinggalan dalam bidang yang diceburinya (Zakaria, 2007; Zuria Mahmud, 2005). Seterusnya kaunselor juga perlu ada dan menjaga akhlak dalam menjalankan kaunseling Islam (Mohd Nasir, 2006) untuk memberikan makna yang lebih baik kepada perkhidmatan kaunseling.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kekurangan tersebut bagi meningkatkan lagi keupayaan pendekatan kaunseling Islam untuk keperluan perkhidmatan kaunseling dan kemahiran kaunseling dalam kalangan remaja sekolah menengah agama yang berdepan dengan pelbagai masalah sosial.

Objektif kajian

Antara tujuan kajian ini dijalankan adalah terbahagi kepada tiga iaitu:

1. Mengetahui faktor-faktor yang mendorong remaja terlibat dalam isu sosial.
2. Mengetahui langkah-langkah yang digunakan oleh kaunselor dalam membantu klien menghadapi masalah sosial di sekolah.
3. Mengetahui kesan yang dialami oleh remaja dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku setelah menjalani sesi kaunseling.

Persoalan Kajian

Antara beberapa persoalan kajian yang dikemukakan ialah:

1. Apakah faktor yang telah mendorong remaja atau pelajar berkenaan terlibat dalam isu sosial?
2. Apakah langkah-langkah yang digunakan oleh kaunselor dalam membantu klien menghadapi masalah sosial di sekolah?
3. Apakah kesan yang dialami oleh remaja dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku setelah selesai menjalani sesi kaunseling?

Kepentingan kajian

Hasil kajian ini dapat menambah ilmu pengetahuan kepada bidang kaunseling, khasnya kaunselor sekolah. Di samping itu hasil kajian ini dapat menjadi ilmu dan panduan kepada kaunselor sekolah untuk memberikan perkhidmatan kaunseling melalui pendekatan kaunseling Islam lebih profesional dan boleh diterima oleh pelajar sekolah. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat digunakan oleh kaunselor sekolah agama untuk menyemak semula dari segi keperluan yang diperlukan khususnya untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kaunseling yang dijalankan. Akhir sekali hasil kajian ini dapat membantu kaunselor sekolah memberikan perkhidmatan kepada pelajar dan dapat mengurangkan masalah sosial remaja sekolah (Salasiah & Noor Shakirah, 2007).

Reka Bentuk Kajian

Kajian kualitatif telah dijalankan melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen telah ditriangulasi untuk memperoleh pola ketepuan data bagi menjawab semua tiga persoalan utama yang dikaji. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah sesi kaunseling dan analisis dokumen ke dalam bentuk verbatim dan rakaman suara di kalangan responden untuk mendapatkan maklumat yang sahih.

Kajian ini menggunakan kaedah yang diamalkan di dalam Pendekatan Kaunseling Islam Al – Ghazali. Ada 6 proses yang dinyatakan dalam pendekatan ini. Kaunselor memandang konsep dan pandangan pendekatan ini terhadap sifat semula jadi manusia. Al – Ghazali menekankan konsep bahawa setiap tingkah laku manusia mempunyai kaitan kepada 3 perkara iaitu al roh, al qalb dan juga al nafs.

Imam Al-Ghazali (1058- 1111M) dalam jurnal oleh Siti Nazratul Ain & Salasiah Hanin Hamjah, (2017) menjelaskan bahawa manusia dan haiwan mempunyai roh tetapi yang pasti roh pada manusia adalah sesuatu yang kekal abadi manakala roh yang terdapat pada haiwan akan musnah. Siti Nazratul Ain dan Salasiah Hanin Hamjah (2017) menyatkan bahawa Imam Al Ghazali menjelaskan, terdapat 3 unsur yang membezakan roh manusia dengan haiwan iaitu Al-Qalb, Al-Nafs dan juga Al-Aql. Al Qalb merupakan hati. Iaitu ianya merupakan seketul darah yang beku dan terletak di sebelah kiri dada setiap manusia. Al-Qalb inilah yang menjadi sumber nyawa kepada setiap manusia yang ada di muka bumi ini. Imam Al-Ghazali juga menyifatkan bahawa hati inilah yang di umpamakan sebagai raja dalam tubuh badan manusia. Oleh itu, sekiranya hati seseorang penuh dengan kekotoran seperti sifat-sifat mazmumah, maka akan lahirlah tingkah laku yang tidak bermoral sehingga melakukan masalah-masalah sosial.

Allah menciptakan setiap hambanya dengan memiliki nafsu. Imam Al Ghazali telah membahagikan nafsu ini kepada 3 peringkat, iaitu al nafs al mulhamah, yang merujuk kepada nafsu jahat dan baik. Namun peringkat ini di domain oleh nafsu jahat yang akhirnya menyebabkan manusia berperang dengan dirinya sendiri untuk melakukan kebaikan atau pun kejahatan. Bagi nafs al Lawammah pula, ianya sama seperti nafsu al mulhamah tetapi di domain oleh nafsu kebaikan. Manusia yang memiliki nafsu di peringkat ini lazimnya masih mempunyai kesedaran diri yang tinggi untuk melakukan kebaikan kerana mengharapkan redha dan pahala dari Allah (Ishammuddin Ismail, 1999).

Peringkat yang terakhir pula ialah nafs al muthmainnah yang merujuk kepada kebaikan-kebaikan yang ada dalam diri manusia itu sendiri peringkat ini memberikan ketenangan dan rasa selamat dari desakan syahwat sendiri hingga akhirnya membawa diri manusia itu kepada kemuliaan. Seterusnya ialah al aql yang merangkumi otak dan biologikal seseorang manusia. Imam Al Ghazali menjelaskan bahawa akal sebagai entiti kerohanian yang akan membentuk pemikiran manusia untuk berfikir melakukan kebaikan atau kejahatan. Justeru itu, kaunselor menggunakan kaedah pendekatan Al Ghazali dalam kajian ini kerana setiap masalah sosial yang dilakukan remaja masa kini mempunyai kaitan dengan konsep yang dipegang oleh Imam Al-Ghazali (Siti Nazratul Ain & Salasiah Hanin Hamjah, 2017).

Responden Kajian

Responden kajian yang telah dikenal pasti ialah jumlah pelajar di perolehi melalui laporan bertaip yang diberikan oleh kaunselor sekolah. Tingkatan 1 seramai 100 orang pelajar, tingkatan 2 seramai

79 orang pelajar, tingkatan 3 seramai 84 orang pelajar, tingkatan 4 seramai 60 orang pelajar, tingkatan 5 seramai 54 orang pelajar dan tingkatan 6 seramai 17 orang pelajar. Jumlah keseluruhan pelajar di sekolah ini seramai 394 orang pelajar.

Kelompok 1, terdiri daripada 10 orang pelajar perempuan yang berusia 14 tahun. Setelah di analisis, kesemua ahli kelompok memahami konsep masalah sosial dan juga perkara-perkara yang dikategorikan sebagai masalah sosial. Terdapat ahli kelompok yang menceritakan mengenai masalah yang dilihat oleh mata sendiri dan juga gossip yang di dengar. Beberapa kes sosial yang berlaku di sekolah ini, seperti mencuri dan juga masalah hubungan intim sejenis.

Kelompok 2 ini terdiri daripada 10 orang pelajar lelaki, yang berusia 13 tahun sehingga 15 tahun. Kelompok ini juga cukup jelas memahami konsep masalah sosial dan perbuatan yang di anggap sebagai tingkah laku yang tidak wajar dilakukan. Pengkaji mendapatkan bantuan daripada kaunselor sekolah untuk mendapatkan responden bagi kajian ini. Responden kajian ini dikenali sebagai klien kajian kerana pengkaji bertindak sebagai kaunselor pelatih menggunakan sesi kaunseling dalam mendapatkan data kajian daripada pelajar. Seramai 26 orang pelajar remaja yang berada dalam lingkungan usia 13 tahun sehingga 15 tahun menjadi klien kajian. Responden kajian ini di bahagikan kepada 2 kategori sesi kaunseling iaitu seramai 20 orang akan menjadi klien kajian berkelompok dan 6 orang pelajar remaja lagi akan menjadi klien kajian secara individu. Bagi kategori berkelompok pula, kaunselor membuat pengasingan jantina kepada 2 kelompok, iaitu 10 orang untuk kelompok pelajar perempuan, dan 10 orang untuk kelompok pelajar lelaki. Hal ini selaras seperti yang di ingini oleh ahli kelompok bersama kerana mereka mengutamakan penjagaan ikhtilat sesama sendiri.

Seterusnya bagi responden kajian individu pula, pengkaji mendapat 3 orang pelajar lelaki yang berbeza dari segi umur iaitu 13, 14 dan 15 tahun. Diikuti oleh responden kajian individu perempuan, turut mempunyai perbezaan peringkat umur. Pemilihan pelajar untuk kajian ini menggunakan kaedah sukarela apabila dimaklumkan bahawa ada kaunselor luar (pengkaji) hendak menjalankan sesi kaunseling.

Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah menengah agama yang terletak di daerah Kuala Kangsar, iaitu Sekolah Menengah Agama Idrisiah. Sekolah ini telah dibina pada tahun 1917, selepas dititahkan oleh Sultan Idris I Murshidul Adzam Shah. Seterusnya setelah kemangkatan Sultan Idris

I (tanpa sempat melihat pembangunan madrasah ini), maka diteruskan juga pembinaannya oleh Sultan Iskandar Shah Kaddasallah sehingga Ogos 1921. Mudir pertama madrasah Idrisiah berasal dari Kelantan, Haji Muhamammad b. Haji Salleh iaitu pada tahun 1922. Enam tahun kemudian, diganti oleh Syeikh Abdullah Al-Maghribi yang berasal dari Mekah.

Madrasah ini turut mencatat rekod dalam sejarah pengajian Islam di negeri Perak. Sekolah ini juga telah didaftarkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Perak dan telah mendapat seramai 11 orang guru dari Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1985. Jumlah guru di sekolah ini hanyalah seramai 80 orang sahaja. Guru lelaki di sekolah ini seramai 30 orang manakala guru perempuan seramai 50 orang. Sekolah ini pada tahun 2019 telah menempatkan seramai 394 orang pelajar merangkumi tingkatan 1 hingga tingkatan 6 (STAM).

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara berstruktur. Soalan temu bual ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Penyelidik bertanyakan soalan tentang profil responden iaitu jantina, tempoh bekerja, status pekerjaan, pengalaman bekerja. Manakala Bahagian B pula berkisar kepada soalan tentang kemahiran kaunseling, pengetahuan ilmu kaunseling dan perkhidmatan kaunseling yang dijalankan.

Kaedah Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan secara berperingkat supaya kajian berjalan dengan lancar, tersusun dan telus. Pada peringkat awal, pengkaji telah mendapat kebenaran daripada pihak USAS dan kebenaran daripada pihak sekolah.

Kemudian, pengkaji Data diperolehi melalui pemerhatian, laporan rekod kaunseling dan temu bual yang akan dirakam dalam setiap sesi kaunseling yang dijalankan. Data-data tersebut akan di analisis dengan menggunakan kaedah mendengar kembali, menulis semula verbatim dan seterusnya mengkategorikan serta menjadualkan kenyataan-kenyataan yang berlangsung sepanjang sesi di antara kaunselor dan juga klien. Kemudian, analisis verbatim yang dibandingkan dengan laporan bertulis atau bertaip pengkaji sepanjang sesi berjalan untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan rumusan dapat dipaparkan.

Kajian ini melalui beberapa proses yang bermula daripada permohonan pengkaji kepada Universiti Sultan Azlan Shah untuk memohon kebenaran keluar dari Universiti bagi menjalankan kajian ilmiah secara lapangan. Proses ini di lakukan pengkaji dalam tempoh 3 hari. Selesai sahaja mendapat keizinan, pengkaji juga seterusnya memohon kepada pihak sekolah iaitu Sekolah Menengah Agama Idrisiah untuk melakukan satu kajian yang memerlukan sebilangan pelajar menjadi klien kajian. Pengkaji bertemu terus kepada kaunselor sekolah, iaitu Puar Faizah dan akhirnya mendapat kebenaran untuk menjalankan sesi kaunseling dalam tempoh 2 bulan lebih.

Sesi kaunseling yang di lakukan sepanjang 2 bulan lebih di bahagikan kepada 2 kategori iaitu kategori sesi kaunseling individu dan kategori sesi kaunseling berkelompok. Bagi kategori individu, merangkumi seramai 6 orang pelajar yang terdiri daripada perbezaan jantina dan umur yang bermula 13 tahun sehingga 15 tahun. Manakala bagi kategori berkelompok pula, seramai 20 orang pelajar yang terdiri daripada 10 orang lelaki dan 10 orang perempuan di asingkan kepada 2 kelompok mengikut perbezaan jantina.

Proses sesi kaunseling yang pertama di jalankan adalah kaunseling berkelompok, iaitu kelompok perempuan yang terdiri daripada pelajar tingkatan 2 dan secara sukarela menjadi klien kajian. Kelompok ini melalui 5 kali sesi yang memerlukan masa sebulan kerana mempunyai kekangan dari segi masa cuti persekolahan dan juga aktiviti sekolah. Bagi kelompok kedua pula terdiri daripada pelajar lelaki yang bermula dari tingkatan 1 sehinggalah tingkatan 3, mereka merupakan klien sukarela dan juga ada yang mendapat ajakan kawan sekali. Untuk kelompok ini, pengkaji memerlukan masa dalam tempoh 2 minggu sahaja dan juga 5 kali sesi.

Proses sesi kaunseling bagi kaunseling individu pula, pengkaji memulakan dengan sesi bersama pelajar lelaki selama tempoh 2 minggu di ikuti dengan pelajar perempuan selama 2 minggu juga. Sebelum masuknya bulan Ramadhan, pengkaji telah berjaya menamatkan sesi untuk ke semua klien kajian. Hasil daripada sesi kaunseling tersebut, pengkaji menulis semula hasil rakaman suara ke dalam bentuk verbatim dan juga menulis laporan sesi untuk mendapatkan data.

Analisis Data

Analisis Data Kualitatif: Analisis Verbatim Kelompok 1

Berdasarkan maklumat daripada sesi kauceling kelompok ada 4 jenis masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah ini. Masalah-masalah sosial ini turut disokong oleh ahli kelompok lain yang turut menyatakan bahawa ianya pernah dialami oleh mereka sendiri dan juga turut melihatnya.

Jadual 1: Masalah sosial di sekolah kelompok perempuan

<i>Jenis Masalah Sosial</i>	<i>Klien</i>
Mencuri	K7: Hmm, ukhti saya pernah lalui perkara seluar track suit saya hilang. Kira macam mencurilah. Tapi saya tahu siapa yang melakukannya. K1: Tahu.... Kami pun pernah dia curi barang kami. K3: Dia curi saya punya botol air.
Lesbian	K1: Pernah ada kes lesbian di sekolah ni ukhti. K2: Kami tahu yang mereka dua dah di panggil pihak sekolah dan guru kauceling tapi entahlah. Alasan mereka yang mereka adik beradik sepupu.
Vandalisme	K: Dipanggil vandalisme. Kenapa, kat sini ada ke? K1: Ada jew ukhti. banyak meja kat kelas tu kena conteng.
Bergaduh	K: Ni mesti kes gaduh dengan kawan. Hmm, ok. Ada sesiapa yang pernah gaduh dengan kawan kat sini ke? K1: Ada jew ukhti. perkara biasalah tu
Melepak	K: Kamu semua tak pernah melepak ke? K1: Tapi kami melepak di asrama

Analisis Verbatim Kelompok 2

Berdasarkan jadual 3.8.2, masalah sosial yang dinyatakan oleh kelompok pelajar lelaki, terdapat 6 jenis masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah ini. pernyataan yang dinyatakan oleh pelajar seperti di bawah.

Jadual 2: Masalah Sosial Di Sekolah Kelompok Lelaki

Jenis Masalah Sosial	Klien
Membuli	K1: Macam mereka suruh angkat kain. Biasanya abang-abang ataslah yang suruh angkat. K2: Tapi tu perkara biasalah. Kalau tak nak angkat, tak perlulah angkat K1: Kalau tak angkat pula, nanti mereka suruh buat kerja lain. K5: Ana pernah kena suruh ambil air di kantin. Satu kumpulan mereka suruh ana seorang je.
Acah bunuh diri	K2: Kami tak tahu dia tu okey ke atau tak. Tapi tiap tahun rasanya dia buat. Masa kami sama-sama form 1 pun dia pernah buat juga. K4: Haah, dia lari pergi bangunan tingkat 3 di kelas tu. Lepas tu dia jerit-jerit. Lepas tu acah-acah nak naik. K6: Ada yang kata dia sebenarnya nakkan perhatian je.

Keluar dari sekolah tanpa kebenaran	K7: Ni abang-abang atas yang buat. Macam yang form 5. K8: Ada juga budak form 4 ikut sekali. Mereka keluar ramai-ramai, dalam 6 orang macam tu. K9: Mulanya mereka ke masjid untuk solat Isyak. Lepas tu mereka lambat balik. Bila pak cik sekuriti tanya, mereka bagi tahu keluar ke Lembah. Tu yang mudir marah.
Menipu mak ayah	K2: Ana bukan tipu apalah. Tapi ana tipu yang ana sakit je. K4: Hm, ana tak berani nak tipu mak ayah. Tapi sebab hari tu ada subjek yang gagal. Jadi anak tak bagitahu mak ayah.
Menganiaya kawan	K1: Pernah sekali tu, ana masih sekolah rendah. Kawan ana tu beli nasi lemak. Ana pun baru sampai dari beli makanan. Aip nasi ayam, lepas tu ada kawan ana yang lain tu, saja tuang air dalam nasi dia. Dan ana pun join sekali, tapi ana letak sikit jew la. Bubuh air masak. Masa nak balik tu, mak ayah dia datang sekolah. Lepas tu cikgu dalam kelas panggil ana. Lepas tu ana kena Tarik telinga dan kena marah. Tapi marah yang macam kena tegur je.

Analisis Verbatim Pelajar lelaki (Kaunseling Individu)

Pelajar Lelaki 1

Berdasarkan sesi kaunseling yang dijalankan bersama pelajar1, beberapa masalah sosial dinyatakan bagi pendapat klien pertama ini, antaranya ialah kes barang hilang, buli dan juga keluar lewat malam.

K1: Hmm, contohnya macam kawan pinjam barang kita lepas tu barang tu tak di pulangkan. Bila saya minta barang tu semula, dalam keadaan yang tak sama sudah. Hmm, lepas tu macam akhi-akhi yang atas minta tolong ambikan air di dewan makan. Sedangkan benda tu boleh ambil sendiri. Tapi di suruh kami yang masih adik ni.”

K1: Hm, ada jugalah ana perasaan yang vandalism ni berlaku. Macam conteng meja sekolah dan rosakkan harta benda sekolah. Cuma kalau cermin-cermin tu saya pun tahu macam mana boleh berlaku. Lepas tu, hmm keluar dari sekolah tanpa kebenaran tu. Tu pun ada berlaku oleh akhi-akhi atas. Tapi sebenarnya bukan apa, mereka keluar mahu cari makanan saja. Tapi mereka tak maklumkan dengan cikgu. So pernahlah berlaku yang mereka kena marah oleh mudir. Mudir marah bukan suka-suka tapi risau dengan perkara yang tak diinginkan berlaku kepada mereka.”

Berikut merupakan pandangan klien pertama tentang kawan sekolah rendah yang telah berubah. Bagi klien, perbuatan keluar lewat malam merupakan satu perbuatan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kawannya kerana bakal mengundang perkara yang tidak berfaedah berlaku.

Klien: Masalah sosial ni memang tak berani saya nak buat. Tapi saya nampak jugalah berlaku di sekeliling saya. Ada kawan saya yang dulu masa sekolah rendah dah berubah sekarang. Kalau kami dulu masa sekolah rendah tak berani nak keluar rumah lama-lama. Tapi ada saya nampak juga kawan saya yang dulu sekolah rendah sudah pandai keluar rumah lewat-lewat.”

Klien: Hmm. Sedihlah. Bukan sedih sebab tak dapat keluar sama-sama. Tapi sedih sebab dia berubah. Sebab kita tahu, kalau sudah keluar lewat sangat ni. Macam-macam perkara yang tak baik berlaku dengan diri kita sendiri.

Bagi pernyataan di bawah pula merupakan reaksi daripada klien 1 setelah di tanya berkenaan pendapat dan responnya apabila mak ayah klien tidak membenarkannya keluar malam.

Klien: Tak. Sebab mak ayah ada bagi tahu. Tak elok keluar rumah malam-malam. Fokus belajar dan siapkan kerja rumah. Lagipun mak ayah saya tak bagi keluar untuk kebaikan saya sendiri supaya tak terpengaruh.

Pelajar Lelaki 2

Pada awalnya klien dilihat seperti keberatan untuk menyatakan mungkin disebabkan kurangnya kepercayaan. Oleh yang demikian, kaunselor mengambil inisiatif untuk meneroka lebih lanjut pada sesi kedua kerana pada sesi pertama klien dilihat lebih banyak mengelak daripada persoalan. Antara sifat mazmumah yang dinyatakan sendiri oleh klien ialah, mudah marah, dengki, mudah kecewa, mencarut dan juga mengutuk cikgu. Berikut merupakan kenyataan dari diri klien sendiri setelah proses menulis semua rakaman suara kepada verbatim di jalankan. Bagi perbuatan mengutuk cikgu pula, klien menyatakan sebab ketidak puas hatiaan dirinya apabila cikgu yang mengajar tidak memahami diri mereka yang kurang faham dalam subjek tersebut. Bagi klien, dengan melakukan tindakan sedemikian, ianya dapat melepaskan geram. Ini dapat di buktikan melalui ayat yang dinyatakan oleh klien sendiri.

Klien:	Kutuk cikgu.
Klien:	Ana yang kutuk.
Kaunselor:	Kenapa nak kutuk cikgu?
Klien:	Lepas geram.

Kaunselor seterusnya menyatakan pendapat klien berkenaan faktor masalah sosial yang berlaku di kalangan remaja. Klien ini memberi pandangan bahawa pengaruh kawan dan pemilihan kawan amat penting dalam kehidupan sebagai remaja.

Klien: Kalau bagi saya, dorang semua ni terpengaruh sebab kawan yang ajak. Sebab, remaja ni suka kawan ramai-ramai lepastu mudah terpengaruh. Bila kawan dorang buat aktiviti yang tak baik, jadi dorang pun join sekali la. Sebab tu penting sangat pilih kawan.

Kaunselor juga meminta pendapat dan cadangan daripada klien ini untuk menangani masalah sosial dalam kalangan remaja. Walaupun klien masih berumur 15 tahun, tetapi

klien mempunyai pemikiran yang matang dengan memikirkan bahawa kesan buruk masalah sosial yang dilakukan oleh remaja bukan sahaja memberi impak pada diri remaja itu sendiri tetapi juga akan mencalitkan maruah kedua orang tua remaja sendiri. Selain dari itu, klien menyatakan bahawa ibu bapa juga hendaklah memainkan peranan dengan mengambil tahu kawan-kawan anak mereka bagi mengelakkan anak-anak terjebak dengan masalah sosial. Berikut merupakan saranan dan cadangan yang dinyatakan oleh klien.

Klien: Cara mengatasi, ermm. Bagi nasihat kat dorang semua bagitau yang tak baik buat macam tu, nanti mak bapak malu. Kena buang sekolah, tak dapat belajar. Ibu bapa pun perlu ambil tahu dengan siapa dorang berkawan. Kawan-kawan dorang tu baik ke tak baik perangai. Jangan langsung tak peduli la dengan siapa anak-anak berkawan sebab nanti dorang jadi bebas sangat.

Hasil daripada sesi bersama klien, kaunselor mendapati bahawa klien mempunyai potensi menjadi seorang yang matang dan tahu untuk mengelakkan diri dari terjebak dalam masalah sosial.

Pelajar Lelaki 3

Klien ini merupakan pelajar tingkatan 3. Sepanjang melakukan sesi kaunseling bersama klien ini, kaunselor mendapati bahawa klien mempunyai konflik keluarga. Klien juga menceritakan bahawa keadaan ibu bapanya yang kadang kala bergaduh menyebabkan dirinya menjadi stress. Memandangkan klien anak sulung dari 3 adik beradik, klien mengambil tindakan untuk membawa adik-adiknya untuk masuk ke bilik apabila mak ayah tengah bertengkar. Setelah di tanya punca pertengkaran, klien mengatakan bahawa ianya bukanlah sesuatu yang di pandang besar. Tetapi tetap juga akan menimbulkan pertengkaran dan ada kalanya menunjukkan reaksi muka yang tidak senang terhadap anak-anak.

K3: Biasanya ayah ambil lewa kalau kami sakit. Pernah tu mak suruh ayah bawa adik ke hospital sebab demam. Tapi ayah suruh mak check cara rawatan di google dan mengatakan tak perlu ke hospital.

K3: Bila dah mula bergaduh tu, ana sebagai abang, ana akan bawa adik-adik masuk ke bilik. Ana faham kenapa mak buat macam tu, sebab mak risau adik tambah teruk. Ayah pula bukan tak nak ke hospital tapi ayah penat. Sebab tu ana tak salahkan kedua-duanya.

Walaupun klien berada dalam konflik ini, klien tidak menunjukkan tingkah laku devian atau tingkah laku kasar kepada kawan-kawan. Malah klien mengambil pendekatan untuk membuat hal masing-masing dan tidak menceritakan keadaan dirinya kepada kawan-kawan sekiranya mengalami masalah di rumah. Di sebabkan pertengkaran kedua orang tua klien yang pernah di lalui depan matanya, klien juga turut menyembunyikan keadaan kesihatannya dari ibu bapa.

K3:	Pernah sekali tu ana demam 3 hari berturut-turut. Ana ada call mak tapi ana tak bagi tahu mak sebab khuatir mak risau.
K3:	Ayah memang jarang di rumah. Tapi ayah selalu juga ambil berat tentang ana. Cuma ana tak nak mak ayah gaduh lagi, so kalau ana sakit, ana diamkan diri sahaja.

Pelajar ini turut menyatakan pandangan dan pendapat berlakunya masalah sosial itu bermula dari diri sendiri. Walaupun ibu bapa mempunyai konflik, anak-anak seharusnya tidak menjadikan ianya penyebab kepada tingkah laku mereka. Seperti yang dijelaskan oleh klien bahawa ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah untuk belajar dan dalam masa sama memperbaiki akhlak dan fikiran. Namun demikian klien tidak menolak bahawa ada juga remaja yang tersilap langkah menjadikan faktor keluarga sebagai penyebab diri mereka melakukan masalah sosial.

Analisis Verbatim Individu Perempuan

Pelajar Perempuan 1

Pelajar ini merupakan pelajar remaja yang berumur 13 tahun. Di awal sesi, klien dilihat seorang yang pendiam dan sukar untuk menjawab setiap persoalan. Namun apabila kaunselor bertanyakan persekitaran di sekolah, barulah klien ini mula menunjukkan tindak balas yang baik. Pernyataan sifat mazmumah yang ada dalam diri klien dapat dilihat seperti yang ada dalam petikan di bawah. Ini menunjukkan bahawa klien hanya mempunyai sifat mazmumah seperti mudah kecewa, mudah bersedih dan juga tidak berani bercakap di hadapan orang ramai. Hasil analisis yang dilakukan oleh kaunselor, kaunselor berpendapat bahawa klien ini merupakan seorang yang jenis memendamkan perasaan mungkin disebabkan faktor kehilangan ayah. Namun demikian klien tidak memiliki ciri-ciri seperti yang ingin bercinta di alam persekolahan. Perkataan yang dinyatakan oleh klien untuk membanggakan mak dan menjadi contoh buat adiknya menunjukkan bahawa klien hanya berfokuskan kepada pembelajaran.

Klien:	Hmm. Yang tu ada jugalah ukhti. saya pernah marah tapi bukan marah kasar-kasarliah. Ni sebab ada orang yang buat saya marah.
Kaunselor:	Orang buat awak marah? Apa yang orang tu buat?
Klien:	Macam adik saya, dia selalu buli saya. tapi bukan buli apalah. Macam dia malas nak kemas rumah. Sedangkan saya dah kemas rumah, bila dia dah mula bermain, saya suruhlah dia kemas semula. Tapi dia tak nak. Tu yang buat saya marah.
Kaunselor:	Ada apa-apa perasaan yang awak tak suka kat adik awak?
Klien:	Hmm, tak de juga ukhti. tapi macam sakit hati tu jew la. Cuma tak de la macam dengki.

Semasa sesi pertama klien menyatakan tidak mempunyai masalah sosial di sekelilingnya.

Klien:	Masalah sosial.? Hmm, macam tak de juga ukhti.
Kaunselor:	Awak tak pernah rasa kena buli ke?
Klien:	Hmm tak de.
Kaunselor:	Kawan ajak awak ponteng kelas atau sekolah, pernah?
Klien:	Tak pernah ukhti. saya takut nak buat

Namun demikian, setelah kaunselor membuat prafarasa kepada klien, akhirnya klien menyatakan bahawa perasaan tidak suka terhadap kawannya yang mempunyai teman lelaki. Ini disebabkan kawan klien sering meluahkan dan menempatkan klien tempat untuk mendengar penceritaan cinta mereka.

Klien:	Hmm, sebenarnya ukhti, saya tak suka kawan saya.
Klien:	Dia selalu bercerita tentang dia dengan bf-bfnya.
Klien:	Saya tak suka sebab waktu saya ulang kaji pelajaran, mesti di situlah dia akan banyak cerita pasal bf-bfnya.

Pelajar pernah cuba menjauhkan diri daripada kawannya namun perbuatan itu dibalas dengan tindakan merajuk kawannya. Klien juga tidak berani untuk menegur kawannya disebabkan ingin menjaga perasaan kawannya.

Klien:	Entahlah. Saya nak mengelak dari dia. Tapi dia merajuk pula.
Kaunselor:	Awak pernah tegur dia?
Klien:	Saya takut terasa hati pula

Seterusnya kaunselor mengenal pasti masalah sosial yang dihadapi oleh klien ini cumalah masalah percintaan yang dilalui oleh kawannya sendiri. Ini kerana, sepanjang sesi, klien hanya menyatakan bahawa perubahan kawannya terhadap dia selepas melakukan tugas itu menunjukkan rasa tidak selesa. Namun demikian, kaunselor cuba untuk membuat klien berfikir dan celik akal untuk bersabar dan dalam masa sama mendoakan kawannya dari melakukan masalah sosial lagi teruk.

Klien:	Dia mula menjauhkan diri dari saya, ukhti. tu pun selepas saya tegur hari tu.
Klien:	Mungkin macam ukhti kata, sekurangnya saya merasa tenang. Cuma saya sedih sekiranya dia masih tidak sedar yang perbuatan tersebut akan merosakkan pembelajarannya nanti.
Klien:	Saya tak akan anggap dia bukan kawan saya lagi. Saya masih anggap dia kawan saya. tapi dia yang mengelak dari saya.
Klien:	Saya akan sentiasa doakan dia ukhti.

Semasa sesi ketiga dijalankan, kaunselor mula bertanyakan faktor-faktor masalah sosial yang berlaku masa kini menurut pandangan klien sendiri. Jawapan-jawapan yang diberikan oleh klien

untuk setiap persoalan kaunselor menunjukkan klien memahami bahawa masalah sosial masa kini juga bermula daripada pengabaian ibu bapa itu sendiri. Selain dari itu, mak klien juga seorang yang tegas dengan tidak mengizinkan dan memberikan klien menggunakan telefon masa kini. Akhirnya klien berfikir positif bahawa tindakan maknya adalah betul dan boleh mengelakkan dirinya terpengaruh dengan perkara tidak baik.

Klien: Kalau masalah macam kawan saya tu, mungkin sebab dia rasa dia cantik dan ramai lelaki yang suka.
Klien: Sebab ikut kawan. Hmm, sebab ada sifat mazmumah tu lah
Klien: Nak dapatkan perhatian.
Klien: Ibu bapa. Sebab anak-anak rasa terabai.
Klien: Haah, betullah. Masalah sosial sekarang ni pun berlaku oleh mereka yang mempunyai pendidikan agama yang bagus. Cuma mungkin kurang pemantauan mak ayah kot. Yalah sekarangkan semua orang ada telefon, entahlah ukhti. Saya kurang pasti. Biasanya kalau sudah orang belajar agama ni. Dia tahu mana salah mana betul. Jadi mustahil dia buat perkara tak elok.
Klien: Mak saya tak bagi saya pegang telefon. Kata mak saya nanti saya masuk Universiti baru boleh pegang telefon. Mungkin itu juga adalah bagi mengelakkan saya terpengaruh dengan masalah sosial.

Pelajar Perempuan 2

Pelajar merupakan anak bongsu daripada 4 orang adik beradik. Pada awal sesi, kaunselor melakukan proses rapor dengan bertanya beberapa soalan tentang perasaan klien ketika masuk ke sekolah ini. Kaunselor mendapati bahawa klien pada awalnya tidak ingin belajar di sekolah ini. Tetapi disebabkan galakan mak ayah, akhirnya klien akur dan pernah wujud perasaan memberontak dalam diri klien sepanjang dalam menyesuaikan diri dengan suasana baru. Berikut merupakan jawapan daripada klien

Klien: Mak ayah. Mak ayah yang galakkan ana.
Klien: Waktu form 1, guru-guru mengajar, ana tak faham. Tapi sekarang, cikgu-cikgu mengajar, semua best-best dan boleh masuk dan faham.
Klien: Waktu first, adalah perasaan memberontak.... tapi sekarang sebab dah biasa, dah tak de.

Seterusnya kaunselor cuba meneroka perhubungan klien dengan ahli keluarga termasuklah mak ayah dan juga adik beradik klien. Walaupun klien anak bongsu, namun klien mempunyai pemikiran yang matang kerana meminta mak ayah untuk memberikan lebih perhatian kepada abang dan kakaknya.

Kaunselor: Oh, okey. Bagaimana pula hubungan awak dengan mak ayah awak? Sebab tadi awak bagitahu, yang awak anak bongsu kan? Adakah awak merasakan awak mendapat layanan lebih berbanding abang dan kakak awak?

Klien:	Semua sama jak. Tapi disebabkan ana dekat dengan mak ayah. Ana suruh mak ayah berikan perhatian lebih kepada mereka.
--------	--

Selepas proses rapor dijalankan, kaunselor meneroka beberapa masalah klien memandangkan klien datang secara sukarela untuk sesi ini. Pada awalnya klien menyatakan bahawa masalah yang di alaminya bukanlah berkaitan dengan masalah sosial tetapi lebih kepada masalah pembelajaran. Ini kerana klien merasa sukar untuk memahami beberapa subjek yang di ajar di sekolah kerana cara penyampaian dari guru tersebut yang mungkin kurang di fahami oleh klien sendiri. Seterusnya kaunselor mula menggunakan kemahiran prafraza dengan bertanyakan perasaan klien sekiranya kehilangan barang. Ianya untuk melihat sama ada klien tidak mempunyai sifat mazmumah seperti marah, benci dan geram. Jawapan yang di suarakan oleh klien di rekodkan dalam rakaman dan diterbitkan melalui taip semula ke bentuk verbatim, seperti yang dinyatakan di bawah.

Kaunselor:	Oh, okey. Tadi awak kata pernah barang awak hilangkan. So apa perasaan dan tindakan awak bila barang dah hilang?
------------	--

Klien:	Saya marahlah. Sakit hati dan geram pun ada.
--------	--

Seterusnya kaunselor mula meneroka persekitaran klien dengan bertanyakan berkenaan rakan sebaya termasuklah perkara yang dilakukan oleh klien bersama rakan sebayanya sendiri.

Hasil daripada beberapa penerokaan bersama klien, kaunselor mendapati klien pernah melakukan perbuatan seperti melawan kata-kata cikgu di kelas dan pernah menipu mak ayah. Namun demikian, klien cuba mengukuhkan sebab-sebab tindakan tersebut dilakukannya.

Klien:	Hmm, kadang-kadang lawan cikgu. Hmm, macam cikgu tengah bercakap, lepas tu ana dan kawan-kawan ana bisik-bisik.
--------	---

Klien:	Hmm, sebab kadang cikgu annoying.
--------	-----------------------------------

Kaunselor:	Ok, bagaimana hubungan awak dengan mak ayah? Pernah tak menipu dengan mak ayah?
------------	---

Klien:	Pernah.
--------	---------

Kaunselor:	Oh pernah jugalah. Menipu sebab apa?
------------	--------------------------------------

Klien:	Pelajaran, dan kadang solat.
--------	------------------------------

Klien:	Macam contohnya mak tanya, dah solat ke. Ana jawab dah. Tapi sebenarnya ana tak buat lagi. Mak ana tak tahu, sebab ana duduk dalam bilik. Mak tak nampak <i>pun</i> .
--------	---

Pelajar juga menipu mak ayah tentang keputusan peperiksaan yang di perolehi klien sendiri. Tujuan utamanya menipun adalah kerana tidak ingin tengok mak ayahnya sedih dan dalam masa sama mengelak dari mendengar abang dan kakaknya memarahinya kerana gagal. Oleh itu klien mengambil tindakan sedemikian. Kaunselor cuba memberi klien celik akal dengan beberapa situasi yang digambarkan bagi membantu klien sendiri berkata jujur. Sehingga akhir sesi, kaunselor

mendapati bahawa klien masih menyembunyikan perkara tersebut dari mak ayah kerana beranggapan tidak penting.

Klien: Pernah sekali tu, ana dapat result tak ok. Mak ayah tanya tentang result, ana kata ok. Ana tak bagitahu ada gagal.

Klien: Ana tak nak mak ayah kecewa. Ana tak nak tengok mak ayah sedih. Dan ana tak nak abang dan kakak bising sebab dapat tahu ana gagal.

Pada sesi kedua dijalankan, kaunselor cuba meneroka semula berkenaan diri klien sendiri dengan bertanya perasaan klien setelah menceritakan perkara sebenar kepada kaunselor. Selain dari itu, kaunselor cuba bertanya hubungan klien dengan keluarga memandangkan klien dilihat seolah tidak berani mengatakan kebenaran tentang keputusan peperiksaannya. Kaunselor mendapati adik beradik klien saling rapat tetapi mungkin disebabkan kesemuanya telah dewasa dan mempunyai telefon bimbit sendiri yang menjadi faktor hubungan mereka seperti membawa haluan masing-masing ketika di rumah, kecuali ketika berada di luar rumah. Bukan itu sahaja, memandangkan klien juga bersekolah asrama, manakala abang dan kakaknya juga ada yang telah menuntut pengajian di daerah dan negeri yang jauh, menjadi penyebab hubungan mereka rengang. Kaunselor juga turut bertanya tindakan yang akan dilakukan klien ini berkenaan dengan masalah sosial yang mungkin dilakukan oleh orang sekelilingnya. Klien menunjukkan bahawa dirinya sendiri tidak akan meninggalkan kawannya atau sesiapa yang di sekitarnya yang melakukan masalah sosial. Malah klien akan cuba menasihati dan memberi sokongan serta galakan untuk berubah. Ini seperti yang di tunjukkan oleh pernyataan klien di bawah:

Klien: Tak. Selagi dia masih nak dengar nasihat ana. Ana akan selalu ada dengan dia.
--

Klien: Haa, first tu ana akan nasihat dulu supaya jangan lakukan macam tu. Bagi kata-kata semangat supaya tak lakukan perkara terkutuk. Dan kalau boleh, suruh kawan ana tu jangan rapat dan jauhkan diri dari orang yang boleh mempengaruhi dia buat perkara tak elok.

Masalah sosial yang pernah dilakukan oleh klien sendiri ialah bergaduh dengan pelajar senior di sebabkan perasaan tidak puas hati senior itu terhadap pelajar tingkatan 2. Ini kerana, disebabkan kesalahfahaman yang berlaku apabila klien dan kawan-kawannya dikatakan tidak hormat dan timbul pula isu bahawa pelajar senior mengutuk pelajar tingkatan 2.

Kaunselor: Adakah mereka yang mulakan dahulu pergaduhan tu?

Klien: Haah. Durang yang kutuk kami. Durang kutuk form kami. Sampai form lain kata form kami ni tak hormat ukhti-ukhti. So kami rasa marah. So kami pun balas balik kepada durang.
--

Pelajar ini turut memberikan pandangan bahawa semua masalah sosial yang dilakukan oleh remaja masa ini adalah disebabkan diri sendiri. Dan bukannya ibu bapa. Ini kerana bagi klien, ibu bapa telah memainkan peranan dengan menghantar anak-anak ke sekolah untuk mendapatkan didikan.


Klien: Bagi pendapat saya, tu semua dari diri sendiri. Semua dah besar, tak kan tak boleh fikir mana baik dan mana tak baik.
Klien: Ibu bapa dah hantar anak ke sekolah. Anak-anak kena faham bahawa ibu bapa bukannya sengaja mengabaikan mereka tapi ini kerana ibu bapa sibuk mencari duit untuk cukupkan keperluan anak.
Klien: Sedangkan orang beragama pun ada lakukan maksiat, ini bermakna faktor utama masalah sosial ini berlaku adalah disebabkan diri sendiri.

Hasil daripada sesi bersama klien ini, kaunselor mendapati bahawa klien ni mempunyai kematangan dengan tidak menyalahkan keluarga khususnya ibu bapa dalam masalah sosial yang dilakukan oleh remaja masa kini. Selain dari itu, pelajar ini juga tidak mengambil tindakan untuk meninggalkan kawan atau orang sekelilingnya yang melakukan masalah sosial. Malah akan cuba untuk terus menasihati dan menjauhkan kawannya dari terus-terus terjebak dalam masalah sosial.

Dapatan Kajian

Faktor yang Menyebabkan Remaja Melakukan Masalah Sosial

Sesi kaunseling telah dijalankan maka pengkaji dapat mengenal pasti faktor yang menyebabkan remaja terdorong dalam melakukan masalah sosial (Rujuk rajah 1). Di antara faktor yang dikenal pasti ialah faktor kawan, faktor pengabaian keluar terutamanya keluarga yang bercerai, dan faktor suka mengikut nafsu.



Rajah 1: Faktor Yang Menyebabkan Remaja Melakukan Gejala Sosial

Sesi kounseling yang dijalankan terhadap dua kelompok dan juga 6 pelajar ini dapat mengesan beberapa faktor yang mendorong remaja terlibat dalam masalah sosial. Keluarga merupakan faktor utama dalam masalah ini berlaku. Setelah menganalisis laporan sesi kaunseling dan juga analisis verbatim, kesemua pelajar remaja menyatakan bahawa keluarga merupakan pencetus kepada semua masalah sosial yang berlaku dalam diri remaja. Ini kerana keluarga yang akan membentuk kecenderungan remaja dalam membina jati diri masing-masing.

Subtema pertama untuk tema ini merujuk kepada faktor pengabaian yang berlaku dalam keluarga. Hasil analisis verbatim menunjukkan bahawa keluarga yang mempunyai masalah perceraian akan berlakunya pengabaian kepada anak-anak. Oleh yang demikian, ianya akan mempengaruhi perkembangan dari aspek kognitif, emosi dan tingkah laku mereka. Disebabkan kurangnya perhatian daripada ibu bapa, maka kecenderungan mereka untuk merasa terabai menyebabkan mereka memikirkan perkara lain yang boleh menghasilkan keseronokan dalam diri mereka. Melalui laporan sesi juga menunjukkan adanya responden yang merupakan anak yatim tetapi masih boleh diselamatkan kerana dirinya sendiri memikirkan bahawa kematian ayah bukanlah penghalang dan penyebab untuk dia memberontak atau tidak mendengar segala kata-kata dari ibunya.

Subtema kedua dalam tema ini pula berkaitan dengan pengaruh kawan. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang remaja itu melakukan masalah sosial. Ini dapat dibuktikan melalui pernyataan yang dinyatakan oleh klien dalam kajian ini. Hamidah (2006) bahawa ramai anak-anak remaja masa kini yang berasal daripada keluarga yang berpecah mempunyai masalah tingkah laku disebabkan berlakunya pengabaian dan juga pemantauan gerak gerik. Selain dari itu juga Abdul Halim Othman (2007) menyatakan bahawa remaja daripada keluarga yang retak rumah tangga atau hanya ibu tunggal lebih mudah mempengaruhi remaja melakukan masalah sosial.

Subtema yang ketiga merujuk kepada nafsu yang bergelora di ikuti dengan perasaan ingin tahu dan mencuba sesuatu yang baru. Melalui beberapa sesi yang dijalankan, terdapat pandangan daripada klien mahupun ahli kelompok yang menyatakan bahawa terdapat juga individu yang tahu dan cukup didikan agama terjerumus kepada masalah sosial di sebabkan kalah dengan nafs. Khususnya yang melibatkan perkara halal dan haram, seperti zina, anak luar nikah dan sumbang mahram. Bagi pendapat pelajar remaja ini, mereka tidak menolak kemungkinan bahawa akan ada pelajar sekolah juga melakukan benda ini.

Langkah yang sesuai digunakan oleh kaunselor dalam membantu menangani masalah sosial remaja

Hasil dari analisis verbatim dan juga laporan kaunselor, beberapa langkah dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja telah dikenal pasti. Klien dalam kajian ini juga menyatakan beberapa tindakan yang wajar di lakukan sebagai langkah permulaan untuk membendung masalah sosial dalam kalangan adik beradik, rakan sebaya atau pun dalam kelompok keluarga. Melalui sesi kaunseling yang telah dijalankan menunjukkan bahawa klien akan cuba sedaya upaya untuk membantu orang sekelilingnya agar tidak terjebak dalam masalah sosial yang lebih serius. Walaupun di akhir ayat tersebut menampakkan bahawa klien sanggup untuk tidak mengaku individu yang bermasalah itu adalah kenalannya, namun klien juga ada menegaskan bahawa dia menyayangi kesemua orang yang ada di sekelilingnya.

Klien melalui sesi kaunseling, mengambil inisiatif untuk mengelakkan diri daripada kawannya kerana khawatir dirinya juga akan terpengaruh. Ini merupakan langkah yang positif sekiranya klien boleh mengenal pasti kelemahan dirinya agar tidak terjebak ke dalam masalah sosial. Walaupun seolah klien tidak mengambil kisah tentang dirinya. Tetapi dalam masa yang sama, klien juga turut menyatakan untuk mendoakan agar kawannya yang melakukan masalah sosial tersebut berubah menjadi seperti sebelum ini.

Setelah menganalisis semua jawapan yang di berikan klien kajian. Kaunselor mengenal pasti bahawa pendekatan kaunseling Islam Al-Ghazali boleh membantu untuk menangani masalah sosial ini. Ini kerana, di dalam pendekatan ini, klien akan di bawa untuk mengenal pasti diri mereka sendiri dahulu sama ada mempunyai sidat mazmumah dan mahmudah. seterusnya klien akan melalui beberapa proses untuk membantu mereka membuang sifat mazmumah dan menjadikan pemikiran mereka rasional. Ini dapat di buktikan melalui kenyataan yang di ungkapkan oleh kaunselor ketika sesi kaunseling.

Kesan yang di alami oleh remaja sekolah dari aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku setelah menjalani sesi kaunseling.

Perkembangan emosi, kognitif dan tingkah laku klien pada akhir sesi kaunseling. Hasil analisis dokumen menunjukkan bahawa setiap klien individu mencapai matlamat sesi dan juga perkembangan positif. Walaupun pada awalnya ada klien yang datang ke sesi ini disebabkan kawan yang menyebut namanya, klien tersebut tetap hadirkan diri walaupun terpaksa. Satu perkara yang menarik, apabila klien yang merasa terpaksa akhirnya memberikan respons yang positif malah menjemput kaunselor untuk datang ke sekolah walaupun telah habis sesi ini di jalankan. Persoalan yang ketiga merupakan perkembangan dari aspek emosi, kognitif dan juga tingkah laku klien kajian setelah menjalani sesi selama 4 hingga 5 kali.

Kaunselor juga menggunakan pemerhatian serta laporang bertulis untuk melihat perkembangan setiap klien kajian sama ada ke arah yang lebih baik atau masih berada di tahap yang sama. Beberapa pelajar menunjukkan perubahan yang sangat ketara sehingga dapat dilihat melalui sesi ketiga dan keempat sesi kaunseling. Ini kerana ada juga sesetengah klien kajian yang pada awal sesi bersifat pasif dan malu. Namun setelah berlakunya penerokaan dan beberapa sesi, kaunselor melihat perubahan yang jelas dengan tingkah laku klien kajian yang mula berani untuk bercakap dan meluahkan apa yang terbuku dalam hatinya sendiri. Selain itu juga, klien tersebut mula mempunyai kawan dan pandai bergurau. Sesi kaunseling yang mengambil masa selama dua bulan ini merupakan satu perkara yang sangat mencabar bagi kaunselor. Melalui sesi yang dijalankan sama ada kategori individu mahu pun kelompok dapat membantu kaunselor untuk mencapai objektif dan terjawab segala persoalan kajian yang kaunselor inginkan. Pendekatan kaunseling yang diguna oleh kaunselor juga dapat dipraktikkan sekali gus dapat menjadikan kaunselor memahami dengan jelas berkenaan konsep pendekatan kaunseling tersebut. Proses kaunseling yang memerlukan 4 atau 5 sesi sama ada dari kelompok dan juga individu mampu membantu kaunselor untuk mendapatkan hasil data dan dapatan yang menakjubkan.

Setelah melihat analisis dan juga dapatan kajian dari kelompok dan juga individu, menunjukkan bahawa semua pelajar yang menjadi klien dalam kajian ini memahami dan faham konsep masalah sosial itu sendiri.

Selain itu juga, mereka boleh memberikan contoh dan pandangan yang nampak matang dalam menangani masalah sosial itu berlaku. Seperti yang di tunjukkan dalam jadual berkenaan contoh masalah sosial, terdapat 10 masalah sosial yang diceritakan oleh mereka pernah di alami, pernah di lakukan dan juga mendengar serta melihat. Antara masalah sosial tersebut ialah; hubungan sejenis (lesbian), vandalisme, mencuri, bergaduh, melepak, membuli, keluar dari kawasan sekolah tanpa kebenaran, menipu mak ayah, menganiaya kawan dan juga acah bunuh diri. Klien kajian juga menyatakan persetujuan di kalangan mereka bahawa faktor utama keluarga memainkan peranan penting masalah sosial ini berlaku.

Faktor ini dipecahkan kepada tiga subtema yang mana menyokong bahawa pengabaian anak dan kurangnya pemerhatian disebabkan keluarga yang bercerai, keluarga yang mempunyai kerjaya tinggi sehingga akhirnya memberikan pengaruh kepada anak mereka sendiri, khususnya remaja. Selain itu, subtema pengaruh kawan juga turut ditekankan kerana melalui kawanlah seseorang remaja itu akan mudah berani melakukan sesuatu disebabkan dorongan dan rasa tercabar dengan kawan. Ini juga mempunyai kaitan dengan keluarga kerana, remaja yang merasakan tersisih dan kurangnya perhatian dari keluarga akan mengambil langkah untuk ikut dengan rakan sebaya walaupun pada mulanya mereka rasa takut untuk melakukan sesuatu perkara tidak bermoral.

Subtema yang ketiga merupakan sesuatu yang mengejutkan apabila responden kajian menyatakan bahawa faktor nafsu merupakan punca remaja melakukan masalah sosial. Selain itu juga, mereka tidak menyangkal bahawa ada dalam kalangan remaja yang belajar di sekolah agama juga turut melakukan masalah sosial yang tidak bermoral. Ini disebabkan gelora nafsu muda yang ada dalam diri remaja untuk mencuba sesuatu yang baru sehingga melihat perkara yang tidak bermoral seperti maksiat dan zina sesuatu yang menyeronokkan sehingga akhirnya membawa kepada berlakunya kelahiran anak luar nikah.

Selain daripada itu juga, kaunselor dapat mengenal pasti bahawa pelajar remaja ini mempunyai idea yang cukup bernas dengan menyatakan pendapat dan cadangan berkenaan untuk membendung masalah sosial ini dari terus berleluasa. Mereka juga turut menyatakan bahawa langkah-langkah menangani masalah sosial ini bukanlah kerja masyarakat tetapi juga turut dilakukan bersama dengan semua pihak. Ini menunjukkan bahawa remaja sekolah ini berfikir matang walaupun umur mereka di kategorikan sebagai awal remaja. Namun demikian, kaunselor juga turut menyatakan dan meminta pendapat dari klien kajian sama ada pendekatan yang digunakan oleh kaunselor ini sesuai atau tidak dalam menangani masalah sosial dalam kalangan remaja. Jawapan yang lebih memberangsangkan apabila mereka teruja setelah mendengar penjelasan perkaitan pendekatan ini yang akan membentuk jati diri mereka dengan lebih baik.

Oleh yang demikian, kaunselor serta klien kajian bersetuju bahawa pendekatan kaunseling Islam Al-Ghazali boleh diguna pakai dalam menangani masalah sosial remaja di sekolah mahu pun di luar. Namun memerlukan kesabaran dan juga kaunselor perlu memahami dahulu setiap proses dan peringkat yang sepatutnya dilakukan sewaktu menggunakan pendekatan ini. Melalui pendekatan ini juga, klien kajian dapat melihat sejauh mana diri mereka menjadi muslim dan khalifah yang di katakana oleh Allah SWT. Ini kerana kaunselor akan menguji kejujuran dan juga kesabaran klien dalam menerima pandangan orang sekeliling mereka terhadap diri mereka sendiri dan seterusnya melihat kelemahan diri yang adanya sifat mazmumah dan mahmudah.

Perbincangan Dan Cadangan

Pengkaji membincangkan hasil dapatan kajian berdasarkan hasil sesi kaunseling individu dan kaunseling kelompok serta dokumen makluma diri pelajar daripada kaunselor sekolah. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana pendekatan kaunseling Islam dapat membantu untuk menangani masalah sosial yang masih menghimpit remaja saban tahun. Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang menunjukkan statistik masalah remaja semakin membimbangkan, namun ianya masih tetap menunjukkan masalah dalam kalangan remaja dalam tahap kritikal. Pelbagai usaha murni kerajaan untuk membanteras seperti dengan mewujudkan infrastruktur, pusat perlindungan, pusat serenti bahkan latihan-latihan secara percuma agar para remaja tidak mensia-siakan masa depan mereka.

Peranan masyarakat juga amat penting dalam membantu untuk menangani masalah ini. Kewujudan talian rakan cops, yang menghubungkan masyarakat bersama pihak penguatkuasa adalah salah satu inisiatif yang dilakukan. Tetapi talian itu dilihat semakin tidak diendahkan oleh masyarakat masa kini. Kemodenan dan kemajuan teknologi masa kini seperti talian mudah akses telah mendapat tempat dalam kalangan masyarakat.

Dalam kajian ini tiga faktor yang telah dikenal pasti menyebabkan remaja melakukan masalah sosial memberi fokus kepada institusi keluarga itu sendiri. Faktor utama pencetus kepada masalah sosial ini apabila dalam institusi keluarga berlakunya pengabaian terhadap anak, pengaruh rakan sebaya dan juga pendidikan agama. Dapatan kajian menunjukkan faktor institusi keluarga amat mempengaruhi remaja masa kita melibatkan diri dalam masalah sosial. Pelbagai inisiatif kerajaan untuk membantu mengurangkan masalah sosial ini dari terus berlaku. Selepas menjalankan kajian ini, pengkaji berpendapat untuk melakukan sesi kaunseling kepada pelajar

sekolah yang bermula daripada mereka yang berumur 13 tahun secara berterusan dan mewajibkan untuk mereka menghadirkan diri dalam sesi kaunseling.

Selain daripada itu, pendekatan kaunseling Al Ghazali yang digunakan oleh pengkaji untuk kajian ini menunjukkan bahawa pelajar remaja teruja dan cepat mengenal diri mereka sendiri. Seperti yang telah dinyatakan oleh bekas timbalan Perdana Menteri Malaysia Dr Wan Azizah yang menginginkan akan lebih ramai lahir kaunselor di negara ini bagi membantu menangani masalah yang di hadapi oleh masyarakat, khususnya isu-isu sebegini. Malah, kempen membanteras jenayah sosial di peringkat sekolah perlu dipergiatkan dan diperkenalkan. Dalam kajian ini mendapati bahawa budaya membuli masih wujud hingga kini. Ibu bapa hendaklah memainkan peranan dengan mendedahkan anak remaja berkenaan keburukan dan tanda-tanda yang akan menimbulkan perbuatan buli itu berlaku. Selain daripada itu, pelajar remaja di sekolah ini juga menganggap perkara seperti di suruh mengambil air, atau mencuci pinggan mangkuk setelah mereka gunakan itu adalah perkara biasa. Namun hakikatnya ianya juga di kategorikan buli kerana apabila kerap di lakukan oleh mereka tanpa kerelaan individu itu sendiri.

Implikasi Kajian

Hasil dapatan kajian ini terdapat beberapa implikasi yang dapat diperolehi antaranya dapat menambah ilmu pengetahuan dengan lebih mendalam tentang perkhidmatan kaunseling menggunakan pendekatan kaunseling Islam. Kajian ini memfokuskan kepada faktor masalah sosial remaja yang kini melibatkan golongan pelajar. Ekoran daripada kajian yang dilakukan ini, pengkaji mendapati bahawa peranan keluarga khususnya ibu bapa memberikan pengaruh besar dalam pembentukan tingkah laku dan personaliti anak remaja. Selain daripada itu, faktor yang melibatkan pengaruh rakan sebaya dan nafsu anak muda yang di kenali sebagai “darah muda” menunjukkan bahawa remaja memerlukan bimbingan dan sokongan daripada ibu bapa dan juga masyarakat dalam membantu mereka dari melakukan sesuatu perbuatan tidak bermoral. Faktor agama tidak di ketengahkan dalam kajian ini kerana pengkaji mendapati pelajar memahami konsep masalah sosial bukanlah berkaitan dengan faktor agama tetapi menjurus kepada diri individu itu sendiri dan persekitarannya, iaitu penglibatan ibu bapa. Namun demikian, terdapat juga beberapa pelajar yang menyatakan bahawa remaja yang mempunyai didikan agama yang cukup juga tetap melakukan perbuatan sumbang mahram, namun demikian ianya merujuk kepada faktor nafsu yang mencetuskan tingkah laku tidak bermoral dalam kehidupan remaja berkenaan.

Limitasi Kajian

Kajian ini hanya dijalankan di Kajian ini di jalankan di sebuah sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Agama Idrisiah, Kuala Kangsar Perak. Seramai 26 orang pelajar yang terlibat menjadi klien bagi kajian ini. Seterusnya pengkaji meletakkan limitasi kajian ini kepada objektif kajian. Pengkaji juga memfokuskan pada umur responden yang dikategorikan dalam golongan remaja. Walaupun remaja mempunyai 3 peringkat, pengkaji hanya mengaplikasikan sesi kaunseling kepada golongan remaja yang berada pada peringkat pertama iaitu berumur 13 sehingga 15 tahun. Pada peringkat ini juga merupakan satu proses pembelajaran sosial yang berlaku kepada remaja untuk mereka menjadikan seseorang sebagai model atau pun tokoh yang bakal mereka contohi. Selain daripada itu, pengkaji juga melimitkan kajian ini kepada proses yang ada termaktub dalam modul al Ghazali.

Cadangan Kajian

Pengkaji mencadangkan untuk kes yang pernah berlaku di sekolahsekolah agama lain pernah di gemparkan bahawa warden asrama tersebut menjadikan pelajar sebagai pemuas nafsu iaitu perbuatan liwat. Isu-isu yang terjadi sekolah, akan turut membentuk personaliti, dan tingkah laku serta akhlak pelajar remaja cenderung melakukan perbuatan tidak bermoral sekiranya tidak dibendung daripada peringkat awal.

Kesimpulan

Alam remaja di sekolah juga peringkat perkembangan yang amat penting untuk ambil perhatian oleh semua golongan daripada ibu bapa, masyarakat sekeliling dan sekolah dan badan bertanggungjawab menjaga kebajikan social termasuk perkhidmatan kaunseling. Institusi keluarga memainkan peranan penting dalam hal ini. Seperti hasil dapatan kajian ini juga, hampir dari semua klien kajian bersetuju bahawa institusi keluarga mencetus kepada timbulnya masalah social dalam kalangan remaja sekolah. Ini kerana apabila dalam sesebuah keluarga itu telah berpecah dan juga saling tidak mengendahkan, maka anak-anak remaja mula akan mencari sesuatu yang seronok dengan kawan sehingga akhirnya membawa kepada pengaruh negatif kawa tersebut. Pada masa kini, ramai ibu bapa yang mengambil langkah untuk menghantar anak-anak ke sekolah agama. Namun mereka lupa untuk memantau setiap pergerakan anak-anak sehingga apa yang anak lakukan di anggap betul. Justeru itu, ramai juga remaja yang mengambil kesempatan melakukan masalah sosial menggunakan topeng agama bagi mengelakkan perbuatan mereka di hidu oleh ibu bapa dan masyarakat. Kesimpulannya masalah sosial di

peringkat remaja sekolah menunjukkan kebimbangan yang amat kritikal. Peranan masyarakat, pihak sekolah dan ibu bapa hendaklah bersama-sama saling tolong menolong dalam memantau pergerakan anak remaja masa kini. Manfaatkan segala aplikasi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan seperti Rakan COPS untuk menangani dari masalah sosial ini berlarutan.

Rujukan

- Abdul Halim Othman. (1990), Kearah Satu Profesional Kaunseling di Malaysia, *Jurnal Personalial Pelajar* 1, 2, 3.
- Abdul Halim Othman. (2007), Kaunseling Untuk Kesejahteraan Insan, Satu Pengalaman di Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Amelia Dwi Syifaunnufush dan Rachmy Diana. (2017). Kecenderungan Kenakalan Remaja Ditinjau Dari Kekuatan Karakter Dan Persepsi Komunikasi Empatik Orang tua. Program Studi Psikologi. FISHUM - UIN Sunan Kalijaga. Yogyakarta – Indonesia. ISSN 2356-2145 (Print). ISSN 2580-7331 (Online).
- Amir Awang. (1987). Teori-teori Kaunseling dan Psikoterapi. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia. Gazda, G.M., Asbury, F.R., Balzer, F.J., Childers, W.C., & Walters, R.P
- Amla Haji Md. Salleh, Zuria Mahmud dan Salleh Amat. (2003). Kaunseling Sekolah. Siri Penerbitan Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Othman. (2001). Senario Pendidikan dan Latihan Kaunselor di Malaysia. *Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Kepiawaian Pendidikan dan Latihan Kaunselor di Malaysia*. 2-3 April. Quality Hotel, Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Othman, Shuib Che Din dan Sapora Sipon. (2000). Latihan Kaunseling di Malaysia: Satu Ulasan dan Cadangan. *Jurnal PERKAMA* 8: 137-151.
- Abdul Malek Mat Zin. (2003). Kemahiran Mendengar Dalam Kaunseling. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adawiyah Ismail (2007). Kaunseling Islam Ke Arah Pembentukan Keluarga Dinamik. Selangor: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Alterkruse, M. K., Harris, H. L., and Brandt, M.A. (2001). The Role of Professional Counsellor in The 21st Century. *Journal Counselling and Human Development*. 34 (4):28-38.
- Aviyah, E. & Farid, M. (2014). Religiusitas, Kontrol Diri Dan Kenakalan Remaja. *Persona Jurnal Psikologi Indonesia*. 3 (2). 126-129
- Corey, G. (2004). *Theory and Practice of Group Counselling*. (6th ed.) Pacific Grove, CA: Brooks /Cole.

- Corey, G. (2005). *Theory Practice of Counselling and Psychotherapy*. (7th ed.) Thomson: Brooks/Cole Publishing Company.
- Daniel, J. (2006). *Rehabilitation Counsellor Willingness to Intergrate Spirituality into Client Counselling Sessions*. Journal of Rehabilitation. Humanrelations development: A manual for educators (2nd ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Hay, I. (2000). Gender Self-concept Profiles of Adolescents Suspended from High School. *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 41, 3, 345–352
- Ishammuddin Ismail. (1999). *Panduan Asas Kaunselor Muslim*. Kuala Lumpur. Aras Mega (M). Sdn. Bhd. Jones, R.N (2004). *Practical Counselling and helping skills*. Sage Publications. London Patterson, C.H. (1973).
- Jeff Chang (2010). The Reflecting Team: A Training Method for Family Counsellors. *The Family Journal* 18(1) : 36-44.
- Jonathan E. Mosko & Carole Pistole (2010). Attachment and Religiousness: Contributions to Young Adult Marital Attitudes and Readiness. *The Family Journal : Counselling and Therapy For Couple and Families*. 18(2); 127-135.
- Joshua N. (2010). *The Effectiveness of Religiously Tailored Couple Counselling*. Abstract From: Proquest File Desertation Abstract Item : AAT3398764.
- Mohd Nasir (2006). *Akhlaq dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.
- Neukrug, E. (2007). *The World of The Counsellor: An Introduction to The Counselling Profession. Third Edition*. Old Dominion University. U.S.A. : Thomsom Brooks/Cole.
- Normazwin Yahya (2007). Kesedaran Kaunselor Terhadap Dual: Satu Kajian Kualitatif Kepada Kaunselor Sekolah. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*. KPM, 1, 41-58.
- Rini, I.K., Hardjajani, T., & Nugroho, A.A.. (2012). Kenakalan Remaja Ditinjau dari Kecerdasan Emosi dan Penyesuaian Diri pada Siswa SMAN Se-Surakarta. *Jurnal Candrajiwa*.
- Setjaningsih, E., Uyun, Z., Yuwono, S. (2006). Hubungan Antara Penyesuaian Sosial Dan Kemampuan Menyelesaikan Masalah Dengan Kecenderungan Perilaku Delinkuen Pada Remaja. *Jurnal Psikologi Universitas Diponegoro*, 3 (1), 29-35.
- Salasiah & Noor Shakirah. (2007). Riyadah Al-Nafs Menurut Al-Ghazali dan Aplikasinya dalam Kaunseling di PK MAINS. *Jurnal Usuluddin*, 45-62.
- Siti Nazratul Ain & Salasiah Hanin Hamjah. (2017). Aplikasi Tazkiyah Al-Nafs Menerusi Mujahadah Al-Nafs dalam Kaunseling. *Fikiran Masyarakat*, 57-61.
- Zakaria Mohamad (2007). Pola Pengetahuan, Kefahaman dan Penggunaan Teori di Kalangan Kaunselor di Malaysia. Bangi: UKM.

Zuria Mahmud (2005). Perlunya Kaunselor Sekolah Menjalankan Sesi Kaunseling. Seminar Kaunseling Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia Kali ke-2. 30 Mei-2 Jun. Hotel City Bayview.

Zainudin & Norazmah. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* , 115-140.

Undang-undang Malaysia, (1998), Akta Kaunselor 1998, Kuala Lumpur, Percetakan National Berhad.

Peraturan-peraturan Kaunselor, Kelakuan dan Tatatertib (1999), Lembaga Kaunselor Malaysia, Kuala Lumpur.